

07 AUG 2002

Kyrgyz-Pulang

PRESIDEN REPUBLIK KYRGYZ BERANGKAT PULANG

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden Republik Kyrgyz, Askar Akayev berangkat pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pagi ini setelah menamatkan lawatan tiga hari ke negara ini.

Jurucakap Wisma Putra berkata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berada di KLIA bagi mengucapkan selamat jalan sebelum Presiden itu berangkat pulang pada pukul 11.15 pagi menggunakan pesawat peribadi.

Akayev tiba di sini Isnin lepas atas undangan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Akayev diiringi isteri beliau Mairam Akayeva dan 62 anggota delegasi.

Lawatan itu merupakan yang kedua bagi Akayev selepas lawatan pertama pada 1995 selain menandakan ulangtahun ke-10 terjalinnya hubungan diplomatik antara Malaysia dan republik itu.

Dalam lawatan itu dua memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian telah ditandatangani oleh Malaysia dan Kyrgyz.

MoU itu ialah mengenai Peraturan Bayaran Dua Hala antara Bank Negara dan Bank Kebangsaan Kyrgyz dan mengenai kerjasama antara Jabatan Statistik Malaysia dan Jawatankuasa Statistik Kebangsaan Krygyz.

Perjanjian yang ditandatangani pula adalah antara Bank Negara dan Joint Stock Bank Kyrgyztan mengenai Peraturan Bayaran Dua Hala.

Selain itu sewaktu pertemuan tertutup pemimpin itu bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Akayev menggesa Malaysia menganjurkan satu perjumpaan antara negara-negara Eropah dan negara-negara Islam tahun depan bagi membincangkan mengenai isu penganas dan faktor penyebabnya.

Dalam lawatannya itu juga Akayev mengakui berminat menjadikan Malaysia sebagai contoh bagi pembangunan di negaranya selain bersetuju untuk memperbaiki kerjasama dua hala dalam sektor perdagangan dan pelaburan.

-- BERNAMA

SNS AHH ROS